

## **LAYANAN TAWANAN PERANG DAN HAK ASASI MANUSIA MENURUT METODOLOGI WAHYU (AL- QURAN DAN AL-HADIS)**

### **TREATMENT OF PRISONERS OF WAR AND HUMAN RIGHTS ACCORDING TO THE METHODOLOGY OF REVELATION (AL-QURAN AND AL-HADITH)**

**Mohd Norazri Mohamad Zaini**

Postgraduate Students, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya &  
Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara,  
Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam.  
E-mail: norazri7082@uitm.edu.my

**Dr. Che Zarrina Sa'ari**

Assoc. Professor, Department of Aqidah and Islamic Thought,  
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
E-mail: zarrina@um.edu.my

**Dr. Mohd Khairul Naim Che Nordin**

Department of Aqidah and Islamic Thought,  
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
E-mail: khairulnaim@um.edu.my

**Mohd Annas Shafiq Ayob**

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara,  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.  
E-mail: annasshafiqayob@gmail.com

### **ABSTRAK**

Tawanan perang merupakan natijah dari persengketaan bersenjata antara dua pihak yang berlainan. Tawanan perang merujuk kepada individu yang ditangkap atau ditahan pihak tawanan musuh semasa peperangan sama ada tentera mahupun orang awam. Oleh yang demikian, tawanan perang mestilah diperlakukan dengan sebaiknya seperti yang disarankan oleh Islam. Namun layanan terhadap tawanan perang melalui gerakan atas nama al-Jihad dewasa ini seringkali menggambarkan layanan kejam dan tidak berperikemanusiaan sehingga memberi pandangan yang negatif terhadap Islam. Ini disebabkan oleh gerakan-gerakan tersebut tidak mengikuti kaedah yang ditunjukkan

dalam Islam yang sebenarnya. Justeru, beberapa kaedah layanan terhadap tawanan perang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW melalui wahyu (al-Quran dan al-Hadis) bagi menunjukkan Islam bukanlah satu agama yang menindas tawanan perang. Artikel ini menjelaskan berkanaan prinsip dan kaedah Nabi Muhammad tentang menguruskan tawanan perang. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian perpustakaan dengan mengetengahkan metode analisis kandungan sebagai metode utama pengumpulan data serta analisa diskriptif secara induktif dan deduktif bagi menghasilkan garis panduan aplikasi layanan terhadap tawanan perang menurut kaedah Nabi Muhammad SAW. Dapatkan kajian merumuskan kaedah yang digunakan adalah larangan tidak menyeksa atau membunuh tawanan, perlakuan baik, pembebasan bersyarat atau tidak, hukuman bunuh, memukul tawanan, layanan terhadap tawanan wanita iaitu larangan merogol, kebenaran berkahwin. Secara umumnya konsep layanan terhadap tawanan perang dalam Islam seperti hak mendapatkan perubatan, nilai kemanusiaan serta jaminan keselamatan sangat dititikberatkan.

**Kata Kunci:** Nabi Muhammad SAW, tawanan perang, hak asasi kemanusiaan, jihad.

## ABSTRACT

Prisoners of war (POWs) are the result of an armed conflict between two different parties. POWs are persons captured or held by the enemy during a war, whether they are military or civilian prisoners. Therefore, prisoners of war must be treated appropriately as Islam recommends. However, the service to POWs through movements in the name of al-Jihad today often portrays cruel and inhumane treatments that convey a negative image of Islam. This is because such Jihadist movements doesn't follow the methods shown in Islam. Thus, Prophet Muhammad SAW has shown various methods of treating POWs through revelations (al-Quran and al-Hadith) that show Islam is not a religion that oppresses POWs. This article explains the Prophet Muhammad's principles and methods of dealing with POWs. This study applied the method of library research by emphasizing the method of content analysis as the main method of data collection as well as descriptive analysis inductively and deductively to provide guidelines for the application of treatments to POWs according to the method of the Prophet Muhammad SAW. The results of the study concluded that the methods used were the prohibition of torturing or killing prisoners, good treatment, parole or not, the death penalty, beating prisoners, the treatment of female prisoners such as the prohibition of rape and permission to marry. In general, the concept of treatments of POWs in Islam, such as the right to medical treatment, humanitarian values and security guarantees, is strongly emphasized.

**Keywords:** prophet Muhammad SAW, prisoners of war, human rights, jihad.

## 1. PENDAHULUAN

Layanan terhadap tawanan peperangan yang dilaksanakan oleh gerakan-gerakan militan kontemporari yang mengatas namakan *al-Jihād* seperti ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*) seringkali menggambarkan kekejaman dan ketidakperikemanusiaan mengikut pandangan umum masyarakat dunia. Selain itu, kumpulan-kumpulan militan ini mengenepikan hak asasi manusia secara umumnya kerana setiap manusia mempunyai hak asasi masing-masing sekalipun berada dalam tawanan ketika peperangan. Hak asasi merupakan hak yang dasar atau mesti dan wajib diterima dengan sama rata seperti hak untuk memberi pendapat, mendapat perlindungan dan pendidikan yang sempurna, makanan, menganut agama atau kepercayaan dan sebagainya.<sup>1</sup> Hak asasi manusia telah menjadi tanggungjawab masyarakat dunia yang bergabung dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semenjak pengisytiharan atau Deklarasi hak Asasi Manusia Sejagat pada 10 Disember 1948 selain negara-negara Islam turut menyatakan deklarasi *The Cairo Declaration on Human Rights in Islam* (Deklarasi Kaherah) pada tahun 1990 dalam membela hak asasi manusia.<sup>2</sup> Layanan tidak berperikemanusiaan ini mendatangkan sudut pandang negatif terhadap Islam seterusnya meningkatkan tahap Islamophobia dalam kalangan *non-muslim*. Ini kerana tindakan mereka sangat bertentangan dengan kaedah yang diaplikasikan oleh Nabi Muhammad SAW.

Secara umumnya segala tindakan gerakan ini kelihatan sangat agresif seperti menjatuhkan hukuman bunuh kepada tawanan seolah-olah tidak ada langsung citra kemanusiaan. Tidak wujud pendekatan dakwah dan hikmah untuk melayan tawanan perang dengan baik khususnya dalam setiap perlakuan mereka. Lantaran itu, mereka menggunakan kaedah yang sangat melampaui batas seperti menyembelih, melemas dan membakar tawanan. Sebagai contoh, dilaporkan kumpulan ISIS telah menyiaran video pembunuhan penganut Kristian di timur laut Nigeria pada Disember 2019.<sup>3</sup> Selain itu, pada Mei 2018, kumpulan tersebut turut membakar hidup-hidup seorang juruterbang Jordan yang ditahan.<sup>4</sup> Mereka melakukan semua perbuatan tersebut atas nama jihad.

Situasi tersebut menunjukkan kumpulan-kumpulan ekstrimis tersebut cuba mengancam sehingga mengakibatkan nyawa menjadi begitu tidak bernilai sehingga tiada kesudahan. Pemeliharaan nyawa dan keamanan ialah nilai objektif yang utama dalam ajaran Islam dan menjadi sebahagian daripada Maqāṣid al-Sharī'ah. Justeru,

<sup>1</sup> Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 11(1), 17-33.

<sup>2</sup> Mwamburi, A. H., & Fahm, A. O. (2018). Islam and Human Rights with Special Reference to The Universal Human Rights and The Cairo Declaration on Human Rights. *Jurnal Syariah*, 26(1), 123-140.

<sup>3</sup> Berita Harian Online (27 Disember 2019). *Daesh dakwa bunuh 11 penganut Kristian*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/dunia/afrika/2019/12/642009/daesh-dakwa-bunuh-11-penganut-kristian>

<sup>4</sup> Mstar Online, (16 Mei 2018). *Ketua ISIS bakar juruterbang Jordan ditahan*. Retrieved from: <https://www.mstar.com.my/global/dunia/2018/05/16/ketua-isis-ditahan>

agama Islam telah menggariskan panduan dan peraturan berkaitan isu tawanan perang terutamanya yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW sepanjang kehidupan Baginda SAW, ia perlu dicontohi dan dijadikan petunjuk bagi setiap parajurit Islam.

## 2. LAYANAN TAWANAN PERANG

Secara umumnya, apabila berlaku peperangan di antara umat Islam dan *non-muslim*, al-Quran menganjurkan supaya memerangi serta diperbolehkan untuk menangkap *non-muslim* tersebut di mana sahaja mereka berada jika golongan tersebut memerangi umat Islam khususnya ketika peperangan. Mereka akan diberi kebebasan jika bertaubat, mendirikan solat dan membayar zakat. Tawanan perang mempunyai hak untuk ditahan dalam keadaan yang wajar, iaitu dengan diberikan segala bentuk keperluan asas. Tawanan perang dalam Islam dari sudut etimologi disebut sebagai *al-asra* datang dari perkataan *al-Asīr* yang bermaksud pemilikan.

Dari sudut istilah bermaksud apa yang diambil dari medan peperangan dari pihak musuh. Menurut al-Mawardi, tawanan perang dalam Islam ialah tentera muslim yang berperang melawan tentera *non-muslim* sehingga mencapai kemenangan dan berjaya menawan *non-muslim* tersebut hidup-hidup.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, tiada peperangan yang berlaku pada dekad yang pertama penyebaran Islam. Justeru, tiada isu berkenaan layanan terhadap tawanan perang. Peperangan ketika zaman Nabi Muhammad SAW berlaku di antara tahun 622 hingga 623 Masihi, ia bermula dengan Perang Badar iaitu peperangan pertama dalam Islam. Penawanan beberapa orang tentera musuh dalam perang tersebut menyebabkan timbul persoalan berkenaan layanan terhadap tawanan perang.<sup>6</sup>

### Kaedah Dan Prinsip Tawanan Perang Menurut Nabi Muhammad SAW

Peperangan telah berlaku dalam kalangan bangsa Arab sebelum datangnya Islam lagi. Peperangan yang berlaku pada masa tersebut lebih kepada peperangan di antara kabilah-kabilah Arab. Rekod catatan peperangan tersebut kebiasaanya diabadikan oleh bangsa Arab dalam bentuk syair. Di antara peperangan yang berlaku sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan ialah perang Fijar di antara suku Quraish dengan Kinanah melawan suku Hawazin. Selain itu, perang Bu'ath di antara suku Aus melawan Khazraj di Madinah beberapa tahun sebelum berlaku peristiwa Hijrah. Turut direkodkan perang yang terkenal dalam kalangan suku Arab Badwi iaitu perang al-Basus yang berlaku di penghujung abad kelima Masihi di antara suku Bani Bakr melawan Bani Taghlib di kawasan barat daya semenanjung Arab.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Muhammed Tayy (2017). *Qawā'id al-Harb al-Asliyah wa al-Mustajiddah fī al-Islām*. Beirut: Markaz al-Hadharah Litanmiah al-Fikr al-Islāmī, 129.

<sup>6</sup> Lena Salaymeh (2008). *Early Islamic Legal-Historical Precedents: Prisoners of War, Law and History Review* Fall 26(3), 523.

<sup>7</sup> Philip K. Hitti (1904). *History of The Arabs*, London: Macmillan & Co Ltd, 95.

Kebanyakan perperangan yang berlaku ketika itu hanya bersifat pertempuran kecil dan memakan masa yang panjang untuk mencapai perdamaian. Kebiasaannya, perperangan berlaku disebabkan perkara kecil seperti pertikaian sempadan dan elemen penghinaan terhadap suku yang berlainan. Perperangan hanya dapat diselesaikan dengan campurtangan pihak berkecuali dan pembayaran gantirugi terhadap tebusan.<sup>8</sup> Namun isu berkenaan harta rampasan perang dan tawanan perang merupakan isu yang kompleks kerana tidak direkodkan dan tiada peraturan ataupun undang-undang berkaitan perkara tersebut. Namun kebiasaanya tawanan perang yang terdiri dari wanita dan kanak-kanak akan dijadikan hamba.<sup>9</sup> Manakala perperangan yang berlaku semasa zaman Nabi Muhammad SAW adalah bertujuan bagi mempertahankan agama, meninggikan syiar dan mengalahkan musuh yang menzalimi umat Islam bukan disebabkan perperangan kebiasaan yang berlaku dalam kalangan bangsa Arab. Baginda SAW telah menempuh sebanyak 84 siri perperangan menentang musuh terutamanya *non-muslim* yang menentang Baginda SAW dan secara puratanya sebanyak 7 kali setahun.<sup>10</sup>

Berdasarkan beberapa rekod sejarah seperti al-Tabarī, al-Wāqidī, al-Mubarakfūrī dan beberapa penulis yang lain, secara tidak langsung wujud beberapa kaedah dan prinsip mendepani tawanan perang yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW seperti berikut:

1. Perlakuan baik terhadap tawanan.

Berbuat baik pada tawanan merupakan teras kepada penerapan konsep *rahmah li al-Ālamīn* dalam perperangan sesuai dengan Islam sebagai agama yang berperikemanusiaan. Nabi Muhammad SAW mengarahkan supaya tawanan perang diperlakukan dengan baik dan tidak melakukan tindakan membala dendam.<sup>11</sup>

2. Larangan menyeksa para tawanan.

Larangan untuk melampaui batas seperti menyeksa dan membunuh terhadap tawanan perang dalam keadaan semasa dan selepas perperangan sangat dilarang. Bukan sahaja menyeksa dan membunuh, malah perlakuan seperti memotong mayat, menganiaya dan menjarah tidak dibolehkan.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Rebaz R. Khdir (2017). The Fate of Prisoners of War Between the Quran, Traditions of the Prophet Muhammad and Practice of the Islamic State in Iraq and Syria, *European Scientific Journal* 13(34), 35.

<sup>10</sup> Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman (2017). *Ensiklopedia Perang Rasulullah*. Shah Alam: Telaga Biru Sdn. Bhd., 207.

<sup>11</sup> 'Abd al-Rahman bin Abī Bakr al-Suyūtī (t.t). *al-Jāmi' al-Šaghīr fī Āhādīth al-Basyīr al-Nadhīr*. Beirut: Dār al-Kitab al-'Ilmīah, 1003.

### 3. Larangan membunuh para tawanan.

Nabi Muhammad SAW sendiri pernah menyatakan larangan membunuh tawanan perang.<sup>12</sup> Nabi Muhammad SAW juga pada saat pembukaan kota Mekah pernah bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Abd al-Razzāq dan Ibn Abī Shaybah dan al-Bayhaqī berkenaan larangan membunuh tawanan.<sup>13</sup>

### 4. Memberi pakaian yang bersesuaian.

Baginda SAW telah memberikan pakaian kepada tawanan perang Badar daripada aset-aset perajurit daripada saf-saf tentera Baginda SAW. Dalam hal ini pakaian mestilah menutup aurat dan bersesuaian dengan tahanan tersebut.<sup>14</sup>

### 5. Memberi makan dan minum kepada tawanan yang cukup.

Penyediaan makanan yang baik merupakan satu keperluan yang paling penting. Dan ia merupakan satu keperluan asasi demi kelangsungan hidupnya dan mewakili semua bentuk keperluan asas yang lain. Dalam menyediakan keperluan asasi ini, terdapat beberapa peraturan khusus yang wajib dipatuhi termasuklah semua keperluan disediakan dengan cara yang sepatutnya. Antaranya, makanan berkhasiat, air yang bersih, dan pakaian yang sesuai mengikut musim, ianya semata-mata untuk memastikan pemeliharaan jiwa atau nyawa tawanan perang. Perincian terhadap perkara yang berkaitan dengan keperluan asas ini perlu diberikan perhatian.<sup>15</sup>

### 6. Pembebasan tawanan tanpa syarat.

Kebiasaan tawanan perang akan dijadikan hamba jika mereka tidak mampu menebus diri mereka sendiri. Secara umumnya Islam menggalakkan supaya para hamba terutamanya tawanan perang dibebaskan tanpa syarat kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti yang ditunjukkan oleh Baginda SAW sewaktu pembukaan Mekah.<sup>16</sup>

### 7. Pembebasan tawanan dengan syarat sama ada menebus diri dengan bayaran atau mengajar.

Prinsip penebusan berdasarkan al-Quran hanya terdapat dua tindakan terhadap tawanan perang iaitu dibebaskan dengan baik atau dilepaskan dengan tebusan tanpa menyeksa atau membunuh mereka. Terdapat dua pilihan yang diberikan berdasarkan surah

<sup>12</sup> Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī (1987). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 4339, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī (1987). The History of al-Tabarī: Tarikh al-Rusul wa al-Muluk, Terj. W. Montgomery Watt dan M. V. McDonald, (Albany: State University of New York Press.188-192, Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman (2017). *op.cit*, 207.

<sup>13</sup> Wahbah al-Zuhaili (1998). *Athār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*. Damsyik: Dār al-Fikr. 476.

<sup>14</sup> Muḥammad bin Ismaīl al-Bukhārī (1987), *op.cit*, 3008.

<sup>15</sup> Wan Roslili Abd Majid, Najibah Mohd Zain, Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia, *KANUN* 27(1), 2015, 148.

<sup>16</sup> Muḥammad al-Ghazālī (1997). *Fiqh al-Sīrah*. t.tp: Dār al-Qalam.

Muhammad, ayat keempat iaitu sama ada *al-Mann* iaitu membebaskan tawanan perang semata-mata kerana Allah SWT supaya dapat dilembutkan hati tawanan tersebut dan menggalakkan mereka memeluk Islam. Apabila mereka telah memeluk Islam maka mereka tidak boleh dibunuh kerana kejahanan mereka tertolak bila memeluk Islam. Manakala *al-Fidā'* ialah menebus tawanan perang *non-muslim* dengan tawanan muslim sama ada bilangan yang ditebus itu adalah sama, kurang ataupun lebih berdasarkan kepentingan tertentu.<sup>17</sup> Nabi Muhammad SAW juga pernah menerima tebusan tawanan yang miskin dengan mengajar penduduk Madinah.<sup>18</sup>

8. Saran untuk berdakwah kepada tawanan.

Nabi Muhammad SAW melarang sesiapa pun tawanan perang dipaksa untuk memeluk Islam kerana tiada paksaan dalam beragama. Kewajipan berdakwah dengan berhikmah kepada tawanan tetap dilaksanakan kepada para tawanan yang berhasil ditangkap. (Surah al-Anfāl: 8: 70)

9. Larangan memukul tawanan untuk soal siasat.

Nabi Muhammad SAW melarang para sahabatnya daripada memukul tawanan perang semata-mata untuk soal siasat kerana kejujuran dan kebohongan boleh berlaku semasa soal siasat tanpa proses memukul tawanan.<sup>19</sup>

10. Hukuman bunuh terhadap tawanan-tawanan tertentu.

Antara etika yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW adalah haram untuk membunuh orang yang tidak ikut berperang dan tidak membawa senjata seperti kanak-kanak, orang tua, kaum wanita, ahli agama yang beribadah, orang cacat, petani dan sebagainya.<sup>20</sup>

Namun hukuman bunuh pada tawanan-tawanan tertentu dibenarkan di dalam Islam. Antara syaratnya ialah tawanan yang akan dihukum itu mestilah salah seorang daripada pesalah utama atau sebagai punca peperangan sebelumnya seperti yang berlaku pada peperangan Banī Qurayzah,<sup>21</sup> hukuman kepada Ummu Qirfah,<sup>22</sup> hukuman kepada sebahagian daripada Banī ‘Uraynah,<sup>23</sup> dan lain lagi.

Namun begitu kaedah hukuman bunuh ada kaedah dan larangan yang tertentu. Di antaranya ialah mengenai larangan membakar tawanan musuh.<sup>24</sup> Dalam pelaksanaan

<sup>17</sup> Yusuf al-Qaradhawi (2013). *Fiqh Jihad*. Selangor: PTS Islamika, 1365.

<sup>18</sup> Muhammad Nāṣr al-Dīn al-Ālbānī (1980). *al-Ājwābah al-Nāfi’ah ‘an Ās’alah li Jannah Masjid al-Jāmi’ah*. Beirut: al-Maktab al-Īslāmī, 47.

<sup>19</sup> Abū Muḥammad ‘Abd al-Malik Ibn Hishām (2009). *al-Sīrah al-Nabāwiyyah Li Ibn Hishām*. Terj. Panel Penterjemah. Batu Caves, al-Hidayah Publication, 260, Muḥammad al-Ghazālī (1997). *op.cit*, 221.

<sup>20</sup> Ibid, 1220.

<sup>21</sup> Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī, *op.cit*, 8: 38.

<sup>22</sup> Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman (2017), *op.cit*, 146-147.

<sup>23</sup> Ibid, 147.

<sup>24</sup> Abī ‘Abd Allāh Muḥammad al-Bukhārī (t.t), *op.cit*, 399 & 406.

hukuman bunuh ini, hukuman yang dilaksanakan perlulah dengan kaedah yang terhormat yang bersesuaian dengan kemanusiaan.<sup>25</sup>

#### 11. Larangan memisahkan tawanan sesama keluarga.

Nabi Muhammad SAW melarang untuk memisahkan tawanan yang mempunyai hubungan sesama keluarga seperti ibu dengan anak.

#### 12. Perihal tawanan wanita.

Wanita dikategorikan sebagai golongan yang lemah termasuk kanak-kanak dan orang tua. Penganiayaan secara fizikal seperti memperkosa dan merogol, apatah lagi membunuh sangat dilarang oleh Nabi Muhammad SAW kepada tawanan wanita seperti:

##### a. Larangan merogol tawanan wanita.

Merogol tawanan perang wanita samalah seperti berzina di dalam Islam. Justeru, Nabi Muhammad SAW sangat melarang perlakuan tersebut kerana kedua-duanya masih belum ada ikatan pernikahan meskipun wanita tersebut hanyalah tawanan perang.<sup>26</sup> Hukum berkahwin dengan hamba atau tawanan (yang menjadi hamba).

Baginda SAW juga telah memberi contoh teladan apabila mengahwini dua orang tawanan Baginda SAW dan meletakkan mereka sebaris dengan *Ummu al-Mu'minīn* iaitu Safiya binti Huyyay<sup>27</sup> dan Juwayriah Binti al-Harith.<sup>28</sup> Ini anjuran Baginda SAW untuk menghapuskan dendam peperangan dengan membebaskan atau memerdekaan tawanan dari perhambaan khususnya wanita. Selain itu, Islam ingin mengangkat kedudukan tawanan wanita bukan sekadar ingin memenuhi nafsu semata-mata. Ini menunjukkan hubungan seksual di antara tawanan perang dan hamba adalah selepas berlakunya pernikahan yang sah.

### Dalil al-Quran Dan al-Hadith Mengenai Tawanan Perang

Secara umumnya Islam membenarkan untuk menawan tentera musuh yang berperang di medan perang berdasarkan perintah Allah SWT kerana mereka memerangi orang Islam.<sup>29</sup> Namun, orang Islam sangat dianjurkan supaya berbuat baik kepada tawanan perang dengan menyempurnakan hak mereka seperti memberi makan dan layanan yang baik.<sup>30</sup> Selain itu, al-Quran memberikan saranan agar para tawanan

<sup>25</sup> Abī Ḥusayn Muslim bin Ḥajjāj (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār Ṭaybah, 940-941.

<sup>26</sup> Muḥammad Nāṣr al-Dīn al-Ālbānī (t.t.). *Silsilah al-Ḥadīth al-Da’īfah wa al-Mawdū’ah wa Ātharihā al-Sayyīfi al-Āmmah*. Riyadh: Dār al-Ma’ārif, 1580.

<sup>27</sup> Martin Lings (1983). *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. t.tp, Inner Traditions, 263-269, Ahmad Adnan Fadzil, *op.cit*, 160-164.

<sup>28</sup> Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *op.cit*, 8: 51-57, Ahmad Adnan Fadzil, *op.cit*, 140-141.

<sup>29</sup> Al-Quran 8:67.

<sup>30</sup> Al-Quran 76:5-9.

dibebaskan.<sup>31</sup> Ini merupakan pernyataan yang jelas dari dalam al-Quran yang menentukan nasib para tawanan supaya dibebaskan setelah mereka menebus diri mereka dengan nilai yang telah ditentukan. Gambaran ayat tersebut dapat dilihat dalam peristiwa perang Badar di mana para tawanan kafir Quraish seramai 70 orang dibebaskan setelah mereka menebus diri dengan nilai yang telah ditentukan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat.<sup>32</sup> Direkodkan sepanjang hidup Nabi Muhammad SAW tidak ada orang yang dipenjara sama ada di rumah atau di masjid kerana melakukan kesalahan, lebih-lebih lagi tawanan perang.<sup>33</sup> Justeru dalam peperangan besar seterusnya seperti perang Uhud (625 M), Khaibar (629 M), Hunain (630 M.) dan peperangan lainnya tentera Islam berjaya menawan ramai tawanan perang dan memperlakukan mereka seperti para tawanan perang Badar.<sup>34</sup> Lantaran itu perang Badar merupakan kayu pengukur kaedah untuk menguruskan para tawanan perang. Berdasarkan penelitian terhadap beberapa peristiwa peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW, berikut merupakan dalil daripada al-Quran dan al-Hadith yang merupakan perintah dan keadaan layanan Nabi Muhammad SAW terhadap para tawanan perang:

Jadual 1: Dalil al-Quran dan al-Hadis mengenai Tawanan Perang

Bil.	Dalil	Tema
1	Tidak menyeksa para tawanan	<p>﴿وَقَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴾ البقرة: 190</p> <p>Surah al-Baqarah: 190</p> <p>Terjemahan: Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, karena sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.</p>
2	Layanan baik terhadap tawanan	<p>اسْتَوْصُوا بِالْأَسْلَارِ خَيْرًا</p> <p>Terjemahan: Aku wasiatkan agar kalian berbuat baik terhadap tawanan. (al-Suyūtī, t.t., hlm. 1003)</p>

<sup>31</sup> Al-Quran 47:4.

<sup>32</sup> Rebaz R. Khdir (2017). *op.cit*, 35.

<sup>33</sup> Mohammed Ennaji (2013). *Slavery, the State and Islam*, Terj. Teresa Lavender Fagan, Cambridge et al: Cambridge University Press, 226.

<sup>34</sup> Rebaz R. Khdir (2017). *op.cit*, 35.

3	Memberi Pakaian yang baik	<p>لَمَّا كَانَ يَوْمَ بَدْرٍ أَتَيَ بَأْسَارِي، وَأَتَيَ بِالْعَبَاسِ وَلَمْ يَكُنْ عَلَيْهِ ثَوْبٌ، فَنَظَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِهِ قَبِيسَاً، فَوَجَدُوا قَبِيسَانَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي يَعْفُرٍ عَلَيْهِ، فَكَسَّاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِيَّاهُ.</p> <p>Terjemahan: Pada hari Perang Badar, orang-orang musyrik yang tertawan dibawa (kepada Baginda SAW). Saat itu 'Abbas dibawa dalam keadaan tidak memiliki baju. Maka Nabi SAW mencariakan sebuah baju panjang untuknya. Para sahabat mendapati baju panjang Abdullah bin Ubay bersesuaian dengan badan 'Abbas. Maka Nabi SAW memberikan baju panjang Abdullah bin Ubay kepada Abbas untuk beliau pakai. (al-Bukhārī, 1440H, hadis no. 3008)</p>
4	Memberi makanan dan minuman yang sewajarnya	<p>وَيُطْعِمُونَ الظَّعَامَ عَلَى حُجَّةٍ مَسْكِينًا وَيَتَمَّا وَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نُنْهِيُكُمْ لَوْجَهَ اللَّهِ لَا تُرِيدُنَا كُجَازًا وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾</p> <p>الإنسان: 8-9</p> <p>Surah al-Insān: 8-9</p> <p>Terjemahan: Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan, (Sambil berkata dengan lidah atau dengan hati): Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih.</p>
5	Membebaskan tawanan tanpa syarat	<p>وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَاقِبَةُ ﴿٢﴾ فَكُرَبَّةٌ ﴿٣﴾ الْبَلْد: 12-13</p> <p>Surah al-Balad: 12-13</p> <p>Terjemahan: Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: Apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu bagi orang yang mampu) ialah: Memerdekaan hamba abdi.</p> <p>يَا مَعْشِرَ قُرَيْشٍ ، مَا تَرَوْنَ أَنِي فَاعْلُمُ بِكُمْ؟ قَالُوا : خَيْرًا ، أَخْ كَرِيمٌ وَابْنُ أَخْ كَرِيمٍ ! قَالَ : فَإِنِّي أَقُولُ لَكُمْ مَا قَالَ يُوسُفُ لِإِخْوَتِهِ . لَا تَتَرَبَّ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ ، اذْهِبُوا فَأَنْتُمُ الظَّلَّاءُ</p> <p>Terjemahan: "Wahai sekali kaum Quraysh, Apakah pandangan kamu untuk aku perlakukan pada kamu? Mereka menjawab: Kebaikan, Saudara kami yang mulia, anak saudara kami yang mulia! Baginda SAW bersabda: Sesungguhnya aku akan berkata kepada kamu apa yang diperkatakan oleh Yusuf kepada saudaranya: Kamu pada hari ini tidak akan dicerca (atau dipersalahkan), Pergilah! Kamu semua dibebaskan." (al-Ghazālī, 1418H)</p>

6	Membebaskan tawanan bersyarat (bayaran tebusan)	<p>﴿فَإِذَا أَقْيَمُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَّلَّهُمُ الْرِّبَاعِ حَتَّىٰ إِذَا أَخْتَمُوهُمْ فَشَدُوا الْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنْ بَعْدُ وَمَمَّا فِدَاهُ حَتَّىٰ  <b>تَضَعَ الْحُرُبُ أَوْ زَارَهَا ﷺ</b> محمد: 4</p> <p>Surah Muhammad: 4</p> <p>Terjemahan: Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir (di medan perang) maka pancunglah batang leher mereka. Sehingga apabila kamu telah mengalahkan mereka maka tawanlah mereka dan sesudah itu kamu boleh membebaskan mereka atau menerima tebusan sampai perang berakhir.</p>
7	Membebaskan tawanan bersyarat (bayaran yang setimpal)	<p>كَانَ نَاسٌ مِّنَ الْأَسْرَىٰ يَوْمَ بَدْرٍ لَمْ يَكُنْ لَّهُمْ فِدَاءٌ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِدَاءَهُمْ أَنْ يُعْلَمُوا أَوْ لَادُ الْأَنْصَارِ الْكِتَابَةَ</p> <p>Terjemahan: Ada diantara tawanan Perang pada hari Badr tidak memiliki tebusan. Maka Rasulullah SAW menjadikan tebusan mereka adalah mengajarkan anak-anak kaum Anṣar menulis. (al-Ālbānī, 1400H)</p>
8	Saranan agar berdakwah kepada tawanan.	<p>﴿يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِمَنِ فِي أَيْدِيكُ مَنْ الْأَسْرَىٰ إِنْ يَعْلَمَ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمْ حَيْرَانٌ يُؤْتَكُمْ خَيْرًا  <b>مِمَّا أَخَذَ مِنْكُمْ وَيَغْفِرَ لَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٦﴾</b> الأنفال: 70</p> <p>Surah al-Anfāl: 70</p> <p>Terjemahan: Wahai Nabi, katakanlah kepada tawan-tawan yang ada di tanganmu: Jika Allah mengetahui ada kebaikan dalam hatimu, niscaya Dia akan memberikan kepadamu yang lebih baik dari apa yang telah diambil daripadamu dan Dia akan mengampuni kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.</p>
9	Larangan memukul tawanan ketika soal siasat.	<p>إِذَا صَدَاقَكُمْ ضَرَبْتُمُوهُمَا ! إِذَا كَذَبَكُمْ تَرَكْثُوهُمَا ! صَدِقاً وَاللَّهُ أَنْهُمُ الْفَرِيشُ.</p> <p>Terjemahan: Jika kedua budak (hamba) itu berbicara jujur kepada kalian, kalian memukuli mereka. Namun jika kedua budak ini berbohong kepada kalian, kalian membiarkan mereka. Kedua budak ini telah berbicara jujur. Demi Allah, keduanya adalah budak milik orang-orang Quraisy. (al-Ghazālī, 1418H)</p>
11	Larangan membunuh tawanan	<p>بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَالِدَ بْنَ الْوَلِيدِ إِلَى بَنِي جَذِيمَةَ، فَذَاغَهُمُ الْإِسْلَامُ، فَلَمْ يُحْسِنُوا أَنْ يَقُولُوا: أَسْلَمْنَا، فَجَعَلُوا يَقُولُونَ: صَدَّلَنَا صَبَّانًا، فَجَعَلَ خَالِدٌ يَقْتُلُ مِنْهُمْ وَيَأْسِرُهُ، وَدَفَعَ إِلَيْهِ كُلُّ رَجُلٍ مِّنْ أَسْبِرَهُ، حَتَّىٰ إِذَا كَانَ يَوْمُ أَمْرِ خَالِدٍ أَنْ يَقْتُلُ كُلُّ رَجُلٍ مِّنْ أَسْبِرَهُ، فَقَاتَلَ: وَاللَّهِ لَا أَقْتُلُ أَسْبِرَيْ، وَلَا يَقْتُلُ رَجُلٌ مِّنْ أَصْحَابِيْ أَسْبِرَهُ، حَتَّىٰ قَدِمَنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْنَاهُ، فَرَفَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ فَقَالَ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَبْرَأُ إِلَيْكَ مَا صَنَعَ خَالِدٌ مَرَّتَيْنِ</p> <p>Terjemahan: Nabi mengirim Khalid bin Walid kepada suku Jadhīmah dan Khalid mengajak mereka untuk masuk Islam, namun mereka tidak berkata “Aslama (kami telah memeluk Islam),” sebaliknya mereka berkata Saba’ana! Saba’ana (kami telah keluar dari satu agama dan masuk ke</p>

		<p>agama yang lain). Khalid terus membunuhi (sebahagian dari) mereka dan menawan (sebahagian lain dari) mereka sebagai tawanan dan memberikannya kepada masing-masing dari kami. Dan pada saat Khalid memerintahkan setiap orang (tentara Muslim) untuk membunuhi tawanannya, Aku ('Abd Allah bin 'Umar) berkata: Demi Allah, aku tidak akan membunuh tawananku, dan tidak pula para sahabat-sahabatku. Dan ketika kami menemui Nabi SAW, kami menceritakan keseluruhan cerita tersebut kepadanya. Dan pada hari itu, Nabi SAW mengangkat kedua tangannya dan berkata dua kali: Ya Allah! Aku terbebas (tidak bertanggungjawab) atas tindakan yang telah Khalid lakukan. (al-Bukhārī, 1987)</p> <p style="text-align: center;">أَلَا، لَا يُجْهَزَنَ عَلَى جَرِيحٍ، وَلَا يُتَبَعَنَ مُدْبِرٌ، وَلَا يُقْتَلَنَ أَسِيرٌ.</p> <p>Terjemahan: Ingatlah, janganlah kalian menyerang orang yang terluka, jangan kalian ikuti pengecut yang lari dari medan perang dan janganlah kalian membunuh tawanan. (Wahbah al-Zuhaylī, 2013)</p>
10	Pengecualian dalam larangan membunuh tawanan	<p>بَعَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْدِ فَقَالَ: إِنَّ وَجْدَنَمْ فَلَانًا وَفَلَانًا فَأَخْرُقُوهُمَا بِالنَّارِ . ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ أَرَدْنَا الْخَرْوَجَ: إِنِّي أَمْرُكُمْ أَنْ تُحَرِّقُوا فَلَانًا وَفَلَانًا، وَإِنَّ النَّارَ لَا يَعْذِبُ بَهَا إِلَّا اللَّهُ فَإِنْ وَجَدْتُمُوهُمَا فَاقْتُلُوهُمَا.</p> <p>Terjemahan: Rasulullah SAW mengutus kami dalam sebuah kelompok. Kemudian beliau berkata: Jika kalian menangkap fulan dan fulan, bakar keduanya dengan api. Kemudian, ketika kami hendak berangkat, beliau mengubah perintahnya: Aku telah memberikan perintah membakar fulan dan fulan, dan sungguh, tidak boleh menyeksa dengan api kecuali Allah. Jika kalian berhasil menangkapnya, bunuh keduanya. (al-Bukhārī, t.t., hadis 3016)</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ إِلْحَسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقَتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الدَّبَحَ.</p> <p>Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah memerintahkan berlaku ihsan dalam setiap sesuatu. Maka apabila kamu membunuh, maka perlakukanlah cara pembunuhan. Dan jika kamu menyembelih maka perlakukanlah cara penyembelihan. (Muslim, 2006)</p>

12	<p>Perihal tawanan wanita iaitu larangan gangguan seksual</p>	<p>ما من ذنبٍ بعد الشركِ، أعظمُ عند اللهِ من نطفةٍ وضعها رجلٌ في رحمٍ لا يحمله.</p> <p>Terjemahan: Tidak ada dosa yang lebih besar setelah syirik (menyekutukan Allah) disisi Allah dari pada air maninya seorang laki-laki yang dimasukkan pada rahim wanita yang tidak halal baginya. (al-Ālbānī, t.t., hadis 137)</p> <p>قامَ فِينَا حَطِيبًا، قَالَ: أَمَا إِلَيْيَ لَا أَقُولُ لَكُمْ إِلَّا مَا سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ يَوْمَ حُنَيْنَ، قَالَ: لَا يَحِلُّ لَامْرِئٍ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يَسْقِي مَاءً زَرْعَ غَيْرِهِ -يَعْنِي إِتْيَانَ الْحَبَالِي- وَلَا يَحِلُّ لَامْرِئٍ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يَقْعُدَ عَلَى امْرَأَةٍ مِنَ السَّبَيِّ حَتَّى يَسْتَبِرَّهَا، وَلَا يَحِلُّ لَامْرِئٍ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يَبْيَعَ مَغْنَمًا حَتَّى يُقْسَمَ.</p> <p>Terjemahan: Dia (Ruwaifi Al-Ansārī) berdiri di hadapan kita berkhutbah, Dia berkata: Adapun sesungguhnya aku tidak mengatakan kepada kamu kecuali apa-apa yang aku dengan dari Rasulullah SAW bersabda pada hari Hunain: Tidak halal bagi seseorang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk dia menyiram airnya kepada tanaman orang lain (kiasan kepada larangan bersetubuh dengan wanita yang sedang mengandung anak lelaki lain), tidak halal bagi seseorang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk menyetubuh wanita tawanan perang wanita (setelah dia menjadi hambanya) melainkan selepas dipastikan suci (<i>istibra'</i> bagi wanita hamil dgn melahirkan anak, jika tidak hamil dgn satu kali haid), tidak halal bagi seseorang yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat untuk dia menjual harta rampasan perang melainkan selepas ia dibahagikan. (Syarif al-Haq, t.t., hadis 2158)</p>
13	<p>Saranan memerdekaan dan berkahwin dengan tawanan wanita.</p>	<p>﴿ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ فَإِنَّ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ فِتَنَتُكُمْ كُلُّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ فَإِنَّكُمْ حُوَّهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَإِنَّهُنَّ أُجْرَاهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ مُحْصَنَاتٍ غَيْرُ مُسَفِّحَاتٍ وَلَا مُتَخَذَّاتٍ أَخْدَانٍ فَإِذَا أَحْسَنَنَّ فَإِنَّ أَتَيْنَ بِفَحْشَةٍ فَعَيَّهُنَّ بِنَصْفٍ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ ذَلِكَ لِمَنْ حَشِّيَ الْعَنَتَ مِنْكُمْ وَأَنْ تَصْبِرُوا خَيْرٌ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾ النساء: 25</p> <p>Surah al-Nisa': 4: 25</p> <p>Terjemahan: Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba</p>

		<p>perempuan yang beriman yang kamu miliki dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam dan seagama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah mas kahwinnya menurut yang patut. Mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan pelacur dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.</p> <p style="text-align: center;">﴿وَأَنِكُحُوا الْأَيْمَنَ مِنْ كُلِّ وَالصَّلِيجِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِمْ ﴾ النور : 32</p> <p style="text-align: center;">Surah al-Nur: 24: 32</p> <p>Terjemahan: Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya kerana Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi Maha Mengetahui.</p>
--	--	--

### 3. KESIMPULAN

Perlakuan yang baik terhadap tawanan perang menurut Islam membuktikan bahawa agama yang suci ini menghindari daripada sifat kekerasan terhadap tawanan perang. Islam menekankan sikap sopan santun dalam pertemuan, seperti mana perlakuan nabi Muhammad SAW sendiri selaku ketua panglima perang memberi khidmat kepada para tawanan. Selain itu, Islam mematuhi segala prinsip yang bertentangan dengan sikap agresif seperti mana yang disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis, bahawa tidak ada orang atau haiwan yang harus terkorban melainkan jika kemudaratan itu diperlukan untuk mendapatkan manfaat yang lebih besar atau sebagai pencegahan terhadap bahaya yang lebih besar. Metodologi wahyu (al-Quran dan al-Hadith) turut membahaskan tatacara ketenteraan Islam dalam membantu golongan tertindas, melakukan serangan sebelum musuh bertindak sekiranya dirasakan wajar.

Malah, agama Islam amat konsisten dalam melarang umatnya daripada menyasarkan atau membunuh sebarang makhluk bernyawa seperti orang awam dan haiwan secara sengaja atau memusnahkan sebarang harta benda awam diatas dasar perikemanusiaan. Hak kemanusiaan sebagai tawanan perang juga harus dititikberatkan serta dilayan dengan sewajarnya serta perlakuan ini perlu diintegrasikan ke dalam setiap peringkat masyarakat, dan juga ia perlu diberi jalan yang realistik dan sesuai atas dasar kebebasan dan kemanusiaan.

## REFERENCES

- [1] A.Y. Al-Hasan (2006). *Transfer of Islamic Science to the West*. Manchester: FSTC Limited.
- [2] Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- [3] Abī `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī (1987). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- [4] Abī `Abd Allāh Muḥammad bin Ismaīl al-Bukhārī (t.t.). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad Min ḥadīth Rasūl Allah wa Sunanuhu wa Āyāmuhi*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- [5] Abī `Abd Allāh Muḥammad bin Ismaīl al-Bukhārī (t.t.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- [6] Abī 'Abd al-Rahmān Syarif al-Ḥaq (t.t.). *'Awn al-Ma'būd 'Ala Sunan Abī Dāwd*. Amman: Bayt al-Āfkār al-Dawlīyah.
- [7] Abī Ḥusayn Muslim bin Hajjāj (2006). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār Taybah.
- [8] Abū 'Abd Allah Muḥammad bin 'Umar al-Wāqidī (1965). *Kitāb al-Maghazī li al-Wāqidī*, Ed. Marsden Jones. London: Oxford University Press.
- [9] Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1987). *The History of al-Tabarī: Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Terj. W. Montgomery Watt dan M. V. McDonald, Albany: State University of New York Press.
- [10] Abū Muḥammad 'Abd al-Malik Ibn Hishām (2009). *al-Sīrah al-Nabāwiyyah Li Ibn Hishām*. Terj. Panel Penterjemah. Batu Caves, al-Hidayah Publication.
- [11] Ahmad Adnan Fadzil dan Aizuddin Kamarul Zaman (2017). *Ensiklopedia Perang Rasulullah*. Shah Alam: Telaga Biru Sdn. Bhd.

- [12] Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqī (1989). *al-Sunan al-Ṣaghīr*. Mesir: Dār al-Wafā'.
- [13] al-Rahman bin Abī Bakr al-Suyūṭī (t.t) *al-Jāmi' al-Ṣaghīr fī Ḥadīth al-Basyīr al-Nadhīr*. Beirut: Dār al-Kitab al-'Ilmīah.
- [14] *Berita Harian Online* (27 Disember 2019). Daesh dakwa bunuh 11 penganut Kristian. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/dunia/afrika/2019/12/642009/daesh-dakwa-bunuh-11-penganut-kristian>
- [15] Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 11(1), 17-33.
- [16] Lena Salaymeh (2008). Early Islamic Legal-Historical Precedents: Prisoners of War, *Law and History Review Fall* 26(3), 521-544.
- [17] Martin Lings (1983). *Muhammad: His Life Based on the Earliest Sources*. t.tp, Inner Traditions.
- [18] *Mstar Online*, (16 Mei 2018). "Ketua ISIS bakar juruterbang Jordan ditahan." Retrieved from: <https://www.mstar.com.my/global/dunia/2018/05/16/ketua-isis-ditahan>
- [19] Mohammed Ennaji (2013). *Slavery, the State and Islam*, Terj. Teresa Lavender Fagan, Cambridge et al: Cambridge University Press
- [20] Muhammed al-Ghazālī (1997). *Fiqh al-Sīrah*. t.tp: Dār al-Qalam.
- [21] Muhammed bin 'Alī al-Syawkānī (1982). *Nayl al-Awṭār: Syarḥ Muntaqi al-Akhbār*. t.tp: Dār al-Fikr.
- [22] Muhammad Ibn Ishāq bin Yasār (1955). *Sīrah Rasūl Allah*, Terj. A. Guillaume, *The Life of Muhammad. A translation of Ishaq's 'Sirat Rasul Allah'*. Pakistan: Oxford University Press.
- [23] Muhammad Nāṣr al-Dīn al-Ālbānī (1980). *al-Ājwābah al-Nāfi'ah 'an Ās'alah li Jannah Masjid al-Jāmi'ah*. Beirut: al-Maktab al-Īslāmī.
- [24] Muhammad Nāṣr al-Dīn al-Ālbānī (t.t). *Silsilah al-Ḥadīth al-Da'iifah wa al-Mawdū'ah wa Ātharihā al-Sayyīfī fī al-Āmmah*. Riyadh: Dār al-Ma'ārif.
- [25] Muhammad Tayy (2017). *Qawāid al-Harb al-Asliyah wa al-Mustajiddah fī al-Islām*. Beirut: Markaz al-Hadharah Litanmiah al-Fikr al-Islāmī.

- [26] Mwamburi, A. H., & Fahm, A. O. (2018). Islam and Human Rights with Special Reference to The Universal Human Rights and The Cairo Declaration on Human Rights. *Jurnal Syariah*, 26(1), 123–140.
- [27] Philip K. Hitti (1904), *History of The Arabs*, London: Macmillan & Co Ltd.
- [28] Rebaz R. Khdir (2017). The Fate of Prisoners of War Between the Quran, Traditions of the Prophet Muhammad and Practice of the Islamic State in Iraq and Syria, *European Scientific Journal*, 13(34), 30-47.
- [29] Ṣafiyy al-Rāḥmān al-Mubarakfūrī (2010). *al-Raḥīq al-Makhtūm*. Mansurah: Darul Wafaa'.
- [30] Wahbah al-Zuhaylī (1998). *Athār al-Harb fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1998.
- [31] Wahbah al-Zuhaylī (2013). *Athār al-Harb Dirāsah Fiqhiyyah Muqārah*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- [32] Wan Roslili Abd Majid, Najibah Mohd Zain (2015). Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia, *KANUN* 27(1), 148.
- [33] Yusuf al-Qaradhawi (2013). *Fiqh Jihad*. Selangor: PTS Islamika.